



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 14 DISEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	MUSANG KING TERUS DAPAT PERMINTAAN TINGGI DI BELANDA, NEGARA, KOSMO-6 PANTAU PETANI IMPORT, LOKAL, HM-9 RAJA BUAH DAPAT SAMBUTAN TINGGI DI BELANDA, SH-ONLINE PERMINTAAN MUSANG KING BELANDA ENAM KALI GANDA, UM-ONLINE BANTU LEBIH BANYAK PKS AGROMAKANAN TEROKA PASARAN LUAR NEGARA, SH-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6. 7. 8. 9.	SYARIKAT DAGING HADAPI 16 PERTUDUHAN AMLA, MAHKAMAH & JENAYAH, SH-14 SINDIKET KARTEL DAGING DIDAKWA LAGI, TIGA DITUDUH UBAH WANG HARAM RM13.28J, NEGARA, KOSMO-9 COMPANY EXECUTIVES CHARGED WITH MONEY LAUNDERING, NEWS WITHOUT BORDER, THE SUN-5 KARTEL DAGING : SYARIKAT, PENGURUS AKAUNTAN DI DAKWA 16 PERTUDUHAN AMLA, SH-ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
10.	OLAH 15 MENU IKAN TONGKOL DALAM "MASAK MENDE WEH", NASIONAL, SH-15	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (LPP)
11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18.	TUNGGU JALAN RM 3221J, PROJEK JALAN PASI-TANJONG MANIS MAMPU LONJAK HASIL NANAS SARIKER, LOKAL, HM-11 PENGUSAHA IKAN AMBIL LANGKAH KESELAMATAN EKAJ SANGKAR HANYUT, NEGERI PAHANG, SH-23 TINGGALKAN SINGTEL DEMI KOLAM PANCING, DALAM NEGERI, UM-30 TINGGALKAN KERJAYA MAKAN GAJI, BELA IKAN, NEGARA, KOSMO-18 PENIAGA JUAL TAUHU PADA HARGA MAHAL KENA TINDAKAN, NEGARA, KOSMO-16 HARGA AYAM LEBIH RENDAH, LOKAL, HM-18 KEBUN SAYUR DI HALAMAN KEDIAMAN, WANITA & KELUARGA, UM-34 WARGA ASING ADA DOKUMEN TERUS BERKEBUN, LOKAL, HM-9	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Musang king terus dapat permintaan tinggi di Belanda		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	6	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	274 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,111
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,333



Musang king terus dapat permintaan tinggi di Belanda

PUTRAJAYA – Produk makanan tempatan terus mendapat sambutan menggalakkan di Belanda dengan mencatatkan peningkatan jualan sehingga 228 peratus dalam Program Taste of Malaysia (TOM) 2021 pada 16 hingga 23 November lalu.

Tutur mendapat permintaan tinggi daripada rakyat Belanda adalah buah durian sejuk beku jenis musang king serta produk-produk makanan lain berasaskan durian.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Pejabat Wakil Pertanian di The Hague berkata, program yang dianjurkan dengan kerjasama Kedutaan Besar Malaysia di

The Hague dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Malrade) serta pasar raya Amazing Oriental di Belanda.

"Menurut laporan yang dikeluarkan pihak pasar raya, secara keseluruhannya program ini telah menunjukkan peningkatan jualan produk makanan Malaysia yang amat memberangsangkan sehingga 228 peratus berbanding tanpa usaha promosi.

"Di buah durian sejuk beku musang king mendapat permintaan sehingga enam kali ganda iaitu 86 kanton berbanding 12 kanton tanpa promosi, manakala buah durian sejuk beku pula mencatatkan jualan sehingga tiga kali ganda," katanya dalam

kenyataan semalam.

Program tersebut telah dirasmikan oleh Duta Besar Malaysia ke Belanda, Datuk Naszirah Osman.

Katanya, program itu dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran pengguna mengenai produk makanan Malaysia di samping mempromosikan durian serta produk berasaskan musang king di negara tersebut.

"Kerana Setiausaha MAFI, Datuk Hastina Abdul Hamid turut menekankan bahawa potensi pasaran produk pertanian di Eropah adalah amat luas, namun pada masa yang sama aspek keselamatan makanan juga perlu diutamakan," tambahnya.



ORANG ramai menghadiri demonstrasi masakan dan food testing di pasar raya Amazing Oriental di The Hague, Belanda.

Headline	Pantau `petani import`		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	9	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	237 cm²
Journalist	Oleh Yusmizal Dolah Aling	AdValue	RM 9,336
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,009



OPS SELAMATKAN SAWAH

Pantau 'petani import'

Oleh Yusmizal
Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bahagian Kawalselia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan meneruskan pemantauan di semua lapan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di seluruh Semenanjung bagi memastikan ia tidak menjadi lubang emas pendatang asing.

Ketua Pengarahnya Azman Mahmood berkata, ketika ini pihaknya sedang mendapatkan laporan terperinci mengenai kegiatan warga asing yang memonopoli sawah padi dengan aktiviti agronomi.

Katanya, penguatkuasaan bersepadu bersama agensi kerajaan berkaitan akan diteruskan bagi memastikan apa yang berlaku di Sekinchan dapat di-hentikan.

"Apa yang perlu difahami ialah kita tidak ada masalah dengan mereka yang mengambil upah iaitu menerima gaji daripada pesawah tempatan.

"Tetapi mestilah untuk kerja-kerja sawah, bukannya kebun kerana kerajaan menyediakan banyak insentif untuk benih, baja dan racun.

"Yang kita bimbang adalah bila mana mereka ini mula tunjuk lagak seolah-olah sudah memiliki sawah yang menjadi hak kita," katanya.

Menurutnya, sebelum ini pi-



LAPORAN Harian Metro, pada Sabtu 11 Disember.

haknya mengesan lebih 200 'petani import' yang mengusahakan penanaman padi di negara ini.

Selain itu, katanya, ada di kalangan mereka yang menjadikan sawah berkenaan sebagai kebun dengan mengusahakan pelbagai jenis tanaman untuk pasaran sekitar Lembah Klang.

Azman berkata, pihaknya akan terus memantau perkara ini dan mendapatkan maklumat terperinci di setiap negeri untuk tindakan susulan.

"Saya menerima maklum balas mengenai perkara ini sejak didedahkan Harian Metro minggu lalu.

"Perkara ini dibahaskan tiga kali di Dewan Rakyat menunjukkan ia adalah isu negara, ancaman keselamatan serta ekonomi dalam jangka panjang. Kita berharap pihak berkepentingan sedar dengan isu ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/12/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

RAJA BUAH DAPAT SAMBUTAN TINGGI DI BELANDA

RAJA NUR FAZNIE AIDA | 13 Disember 2021



Orang ramai menghadiri program demonstrasi masakan dan 'food tasting' sempena Taste of Malaysia 2021 di Amazing Oriental, Belanda.

SHAH ALAM - Raja buah Malaysia terus mendapat permintaan tinggi di Belanda susulan penganjuran Program Taste of Malaysia (TOM) 2021 pada 10 November hingga 23 November lalu.

Program tersebut merupakan anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui pejabatnya di The Hague, Belanda dengan kerjasama pasaraya Amazing Oriental, Kedutaan Besar Malaysia di The Hague, Matrade dan Tourism Malaysia.

Pasaraya Amazing Oriental merupakan pasar raya Asia terbesar di Belanda dengan 21 cawangan di seluruh negara.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh pihak pasar raya berkenaan, secara keseluruhan program tersebut telah menunjukkan peningkatan jualan produk makanan Malaysia yang amat memberangsangkan sehingga 228 peratus berbanding tanpa usaha promosi.

"Isi buah durian sejuk beku jenis 'musang king' mendapat permintaan sehingga enam kali ganda iaitu 86 karton berbanding 12 karton manakala buah durian sejuk beku pula mencatatkan jualan sehingga tiga kali ganda.

“Produk-produk berasaskan durian juga mendapat sambutan yang amat tinggi dengan peningkatan permintaan sehingga 50 peratus berbanding tanpa sebarang usaha promosi,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Program TOM diadakan bertujuan meningkatkan kesedaran pengguna mengenai produk makanan Malaysia selain mempromosikan durian serta produk berasaskan durian jenis ‘musang king’ di negara tersebut.

Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, potensi pasaran produk pertanian di Eropah adalah amat luas namun pada masa sama aspek keselamatan makanan juga perlu diutamakan.



Nadzirah (tiga dari kanan) bersama Kaunselor Pertanian, Muhamed Salim Mohd Ali dan beberapa wakil agensi serta pengurusan pasaraya sewaktu merasmikan Program Taste of Malaysia 2021 di pasaraya Amazing Oriental, Belanda.

Beliau berkata, pihak Kesatuan Eropah memberi perhatian serius terhadap keperluan import dan eksport seperti aspek kelestarian, pensijilan, pembungkusan dan pelabelan.

“Ini dapat dilihat dengan jelas melalui polisi-polisi berkaitan sekuriti makanan yang telah dilaksanakan,” katanya.

Bagaimanapun, Haslina berkata, beliau yakin bahawa lebih banyak produk pertanian dan makanan akan dapat memenuhi keperluan tersebut melalui khidmat nasihat dan sokongan oleh pihak kementerian dan agensi-agensi berkaitan.

Sementara itu, Duta Besar Malaysia ke Belanda, Datuk Nadzirah Osman pula berkata, jalinan kerjasama strategik bersama pihak pasar raya adalah amat diperlukan bagi memastikan lebih banyak buah-buahan dan produk makanan dapat diimport ke negara tersebut.

“Terdapat juga kemudahan logistik seperti pelabuhan Rotterdam yang menjadi pintu masuk utama bagi perdagangan sektor pertanian di antara Malaysia dan Kesatuan Eropah,” katanya yang merasmikan program TOM 2021.

Pejabat Perwakilan Pertanian MAFI di The Hague, Belanda merupakan pejabat serantau, meliputi pasaran 33 buah negara iaitu United Kingdom (UK), 27 negara Kesatuan Eropah, empat negara European Free Trade Association (Iceland, Liechtenstein, Norway dan Switzerland) serta Rusia.

Antara fungsi pejabat ini adalah untuk memperluaskan akses pasaran, memberikan khidmat nasihat berkaitan keperluan sanitari dan fitosanitari (SPS), keperluan import serta eksport bagi produk pertanian selain mempertingkatkan kerjasama dalam bidang teknologi pertanian dan pelaburan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/12/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

PERMINTAAN MUSANG KING DI BELANDA ENAM KALI GANDA

Oleh AMREE AHMAD

13 Disember 2021, 9:20 pm



PENGUNJUNG pasar raya Amazing Oriental kelihatan berebut membeli produk durian dari Malaysia menerusi Program Taste of Malaysia. – IHSAN MAFI

PUTRAJAYA: Program Taste of Malaysia (TOM) menerusi sebuah rangkaian pasar raya di Belanda berjaya melonjakkan jualan durian negara ini sehingga 228 peratus pada bulan lalu.

Menurut kenyataan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, rekod luar biasa itu dicatatkan ketika promosi tersebut yang berlangsung dari 10 sehingga 23 November lepas.

“Berdasarkan laporan dikeluarkan pihak pasar raya itu, secara keseluruhan ada peningkatan jualan amat memberangsangkan berbanding tanpa usaha promosi. Ia hasil inisiatif Pejabat Perwakilan Pertanian serta Kedutaan Besar Malaysia di The Hague dengan pihak Tourism Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

“Program itu turut mendapat kerjasama jaringan pasar raya terbesar Asia di Belanda, Amazing Oriental yang memiliki 21 cawangan di negara Eropah tersebut sejak ditubuhkan pada 1986. Inisiatif

ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran pengguna mengenai produk Malaysia selain mempromosikan durian dan makanan yang berasaskan buah itu di negara berkenaan," jelas kementerian itu.

Mengulas lanjut, kementerian itu berkata, program turut menyaksikan permintaan tinggi isi buah durian sejuk beku jenis Musang King hingga enam kali ganda berbanding tanpa promosi manakala buah durian sejuk beku pula mencatatkan jualan sehingga tiga kali ganda manakala produk yang berasaskan durian menerima sambutan 50 peratus lebih tinggi.

Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, potensi pasaran produk pertanian di Eropah amat luas namun aspek keselamatan makanan perlu diutamakan penjual dan pihak Kesatuan Eropah (EU) memberi perhatian serius aspek kelestarian, pensijilan, pembungkusan dan pelabelan melalui pelbagai dasar ketat berkaitan sejak sekian lama lalu.

Bagaimanapun, beliau optimis bahawa lebih banyak produk Malaysia akan dapat menembusi pasaran Eropah melalui nasihat dan sokongan pihak kementerian dan agensi di bawahnya.

Duta Besar Malaysia ke Belanda, Datuk Nadzirah Osman yang merasmikan program TOM turut yakin jalinan kerjasama strategik amat diperlukan bagi membawa masuk produk negara kita.

"Terdapat banyak kemudahan logistik seperti pelabuhan terbesar di benua ini, Rotterdam yang juga pintu masuk utama perdagangan dengan EU serta banyak negara Eropah lain. Pejabat Perwakilan Pertanian di The Hague meliputi pasaran serantau 33 negara termasuk Britain, Rusia, 27 negara anggota EU serta empat negara Persatuan Dagangan Bebas Eropah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/12/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

BANTU LEBIH BANYAK PKS AGROMAKANAN TEROKA PASARAN LUAR NEGARA



KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan membantu lebih banyak syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berasaskan agromakanan untuk memasuki pasaran luar negara.

Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, antaranya dari segi membantu meningkatkan produktiviti perusahaan PKS tempatan supaya dapat memenuhi permintaan pasaran luar.

“Perbincangan juga sentiasa dilakukan dengan lapan kaunselor pertanian di luar negara serta pihak kerajaan dan swasta di sana bagi menjalinkan diplomasi makanan,” katanya selepas melancarkan pengeksportan produk syarikat World Prominence Sdn Bhd ke pasaran United Kingdom dan Eropah di sini pada Isnin.

Beliau berkata, di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) MAFI menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan menjalin kerjasama strategik dengan ejen pemasar di luar negara yang dilantik untuk mempromosi dan memadankan perniagaan tempatan dengan pemain industri luar negara bagi meningkatkan permintaan dan tempahan eksport.

“Di bawah RMK12 juga, pelbagai inisiatif kerjasama awam swasta dijalankan FAMA dan Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan MAFI untuk membawa produk tempatan ke luar negara,” katanya.

Beliau sebelum itu menyempurnakan flag-off pengeksportan produk syarikat World Prominence Sdn Bhd ke pasaran United Kingdom dan Eropah di ibu pejabat syarikat itu di Batu Caves di sini.

Sebanyak 787 karton rempah masakan pracampur jenama SUDEE dan Maznah keluaran Syarikat World Prominence Sdn Bhd akan dipasarkan ke pasaran itu.

“Tempahan eksport ke United Kingdom kini sedang dalam pelayaran dan dijadualkan tiba awal Januari tahun depan manakala pelayaran eksport ke Eropah dijangka berlepas pada 16 Dis ini,” kata Haslina.

Beliau berkata, produk itu akan dipasarkan menerusi tiga platform e-dagang di United Kingdom, Belanda dan Jerman selain akan dijual di pasar raya terpilih di Belanda, Jerman dan Switzerland.

Haslina berkata, bagi menembusi pasaran negara luar, usahawan tempatan perlu berinovasi supaya dapat memenuhi citarasa pasaran yang ingin ditembus bagi memudahkan penerimaan pelanggan.

Sementara itu, FAMA dalam kenyataan memaklumkan, World Prominence Sdn Bhd adalah antara peserta program pembangunan eksport anjuran MAFI melalui FAMA dan menerima tempahan eksport bernilai lebih RM200,000 untuk dipasarkan ke United Kingdom dan Eropah.

Pengeluar produk rempah masakan pracampur di bawah jenama SUDEE dan Maznah itu hari ini melancarkan eksport sebanyak 132 karton bagi pasaran United Kingdom dan 655 karton bagi pasaran Eropah. - Bernama

Syarikat daging hadapi 16 pertuduhan AMLA

Empat termasuk dua
pengarahnya didakwa kes
pengubahan wang haram
RM13.28 juta

Oleh NORAZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Sebuah syarikat pembekal daging sejuk beku bersama dua pengarah, pengurus stor dan akauntannya, didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas 16 pertuduhan pengubahan wang haram sebanyak RM13.28 juta antara Oktober 2018 hingga Disember tahun lalu.

Tertuduh iaitu Syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd, dua pengarahnya, Yong Chee Keong, 40, dan Tan Siew Huak, 42, pengurus stor, Chong Kim Kuang, 48, serta akauntan; Ng Yee Xin, 37, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Fatimah Zahari.

Bagaimanapun, Siew Huak gagal hadir kesemua prosiding kes membabitkan kartel daging itu sejak Febuari lalu, menyebabkan mahkamah mengeluarkan waran tangkap ke atas tertuduh.

Mengikut kertas pertuduhan, kesemua tertuduh didakwa menerima wang yang merupakan hasil pengubahan wang haram berjumlah RM13.28 juta dari sebuah akaun semasa milik LY Frozen bagi tempoh 31 Oktober 2018 sehingga 31 Disember 2020 di dua cawangan bank berbeza di Senai, Kulai dan Taman Molek, di



Kim Kuang (dua dari kiri) dan Yee Xin (dua dari kanan) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru terhadap pertuduhan pengubahan wang haram antara Oktober 2018 hingga Disember tahun lalu.

sini.



Bagi pertuduhan itu, kesemua tertuduh boleh didakwa di bawah Seksyen 4(1) (b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dihukum menurut Seksyen 4 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan denda lima kali ganda daripada jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram pada masa kesalahan dilakukan atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi.

Sementara itu, pihak pendakwaan yang diwakili Timbalan Pendakwa Raya Nor Rajban Rithwan dan Noraziah Asmuni, memohon agar mahkamah menetapkan wang jaminan RM1 juta bagi setiap tertuduh. Namun, peguam memohon mahkamah menggunakan pakai wang jaminan yang ditetapkan sebelum ini berikutan mereka telah membayar jaminan RM660,000

untuk pertuduhan awal.

Peguam juga memohon supaya jaminan ke atas Yee Xin ditetapkan pada kadar antara RM50,000 hingga RM60,000.

Hakim kemudiannya menetapkan wang jaminan LY Frozen dan Chong masing-masing sebanyak RM250,000 dengan menggunakan pakai wang jaminan yang telah dibayar untuk kes terdahulu, sementara Ng diarah membayar RM150,000.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes itu pada Selasa. Prosiding pada Isnin merupakan kes kali ketiga kartel daging sejuk beku membabitkan syarikat itu.

Pada 2 Disember tahun lalu, *Sinar Harian* menerusi laporan khasnya mendedahkan kegiatan kartel mengimport daging yang tidak halal sebelum meletakkan logo halal palsu. Kegiatan kartel itu terbongkar menerusi serbuan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) bersama agensi lain di sebuah stor di Skudai, dekat sini.

Sindiket kartel daging didakwa lagi

Tiga dituduh ubah wang haram RM13.28j

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

JOHOR BAHRU – Pengurus, akauntan dan pengarah sebuah syarikat sejuk beku mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 16 pertuduhan pengubahan wang haram bernilai RM13.28 juta yang dilakukan antara Oktober 2018 hingga Disember 2020.

Ketiga-tiga tertuduh, syarikat LY Frozen Food Sdn. Bhd., yang diwakili Pengarahnya, Yong Chee Keong, 40, Pengurus, Chong Kim Kuang, 48, dan Akauntan, Ng Yee Xin, 37, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Fatimah Zahari selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan.

Sementara itu, mahkamah turut mengeluarkan waran tangkap ke atas seorang lagi tertuduh iaitu Pengarah syarikat, Tan Siew Huak, 42, yang masih bebas.

Kesemua tertuduh berdepan empat pertuduhan.

Berdasarkan kertas pertuduhan, mereka didakwa menerima wang hasil pengubahan wang haram sebanyak empat kali berjumlah RM13,278,625.27 daripada sebuah akaun semasa milik LY Frozen Food Sdn. Bhd.

Kesalahan tersebut didakwa dilakukan dalam tempoh 31 Oktober 2018 sehingga 31 Disember 2020 di dua cawangan bank berbeza masing-masing di Senai, Kulai dan Taman Molek, di sini.

Atas kesalahan itu, kesemua mereka didakwa di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara maksimum 15 tahun dan denda lima kali ganda daripada jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan dilakukan atau RM5

juta, yang mana lebih tinggi.

Mahkamah turut memerintahkan agar Kim Kuang dan Yee Xin melaporkan diri ke balai polis berhampiran sebulan sekali selain menetapkan tarikh esok untuk sebutan semula kes.

Ini merupakan sabitan kali ketiga LY Frozen Food Sdn. Bhd., Kim Kuang, Chee Keong dan Siew Huak didakwa di mahkamah selepas berdepan pendakwaan melibatkan sindiket kartel daging import Februari dan April tahun ini.

Pada 2 Disember tahun lalu, akhbar tempatan melaporkan kewujudan kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari luar negara yang dibungkus semula menggunakan logo halal sebelum dijual di pasaran tempatan.

Kegiatan kartel itu terbongkar hasil serbuan bersepadu pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai, di sini membabitkan nilai rampasan RM647 juta.



KIN KUANG (dua dari kiri) dan Yee Xin (dua dari kanan) dibawa ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru semalam.

14/12/2021

THE SUN

NEWS
WITHOUT
BORDERS

5

Company executives charged with money laundering

➤ Director, store manager and accountant facing 16 counts plead not guilty, while arrest warrant issued against second director still at large

JOHOR BARU: A frozen meat supply company director, its store manager and accountant were charged at the sessions court here yesterday with 16 counts of money laundering involving RM13.28 million.

Syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd director Yong Chee Keong, 40, its store manager Chong Kim Kuang, 48, and accountant Ng Yee Xin, 37, pleaded not guilty to all the charges, that were read separately before judge Fatimah Zahari.

The court also issued a warrant of arrest against the company's other director, Tan Siew Huak, 42, who is still at large.

According to the charge sheet, they were each charged with four counts of accepting proceeds from money laundering activities totalling RM13,278,625.27 from the company's current account between Oct 31, 2018, and Dec 31, 2020, at two banks in Senai and Taman Molek.


The charge, under Section 4(1)(b) of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds from Illegal Activities Act 2001, carries a maximum jail term of 15 years and a fine of five times the amount or value of the proceeds at the time the offence was committed, or RM5 million, whichever is higher.

This is the third time Yong, Chong and Tan were charged in court. They were previously charged in February and April relating to a meat cartel scandal.

The media reported in December last year that a syndicate had smuggled frozen meat into the country before repackaging it with the halal logo to be sold by local retailers.

The cartel's activities were uncovered following a raid on a warehouse in Senai, with seizures valued at an estimated RM6.4 million.

The court set bail at RM250,000 for Chong, but for a previous case.



Two of the accused at the court yesterday.
—BERNAMAPIX

Ng was granted bail of RM150,000 in one surety and was ordered to surrender her passport to the court, Bernama reported.

Chong and Ng were also ordered to report to the nearest police station the first week of each month until disposal of the case.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/12/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

KARTEL DAGING: SYARIKAT, PENGURUS AKAUNTAN DIDAKWA 16 PERTUDUHAN AMLA

NOR AZURA MD AMIN | | 13 DISEMBER 2021



Kim Kuang (dua dari kiri) dan Yee Xin (dua dari kanan) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru terhadap pertuduhan kes pengubahan wang haram antara Oktober 2018 hingga Disember tahun lalu.

JOHOR BAHRU- Sebuah syarikat pembekal daging sejuk beku bersama dua pengarah, pengurus stor dan akauntannya, didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas 16 pertuduhan pengubahan wang haram sebanyak RM13.28 juta antara Oktober 2018 hingga Disember tahun lalu.

Tertuduh iaitu Syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd, dua pengarahnya, Yong Chee Keong, 40, dan Tan Siew Huak, 42, pengurus stor, Chong Kim Kuang, 48, serta akauntan, Ng Yee Xin, 37, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Fatimah Zahari.

Bagaimanapun, Siew Huak gagal hadir kesemua prosiding kes membabitkan kartel daging sejak Febuari lalu, menyebabkan mahkamah mengeluarkan waran tangkap ke atas tertuduh.

Mengikut kertas pertuduhan, kesemua tertuduh didakwa menerima wang yang merupakan hasil pengubahan wang haram berjumlah RM13.28 juta dari sebuah akaun semasa milik LY Frozen bagi tempoh 31 Oktober 2018 sehingga 31 Disember 2020 di dua cawangan bank berbeza di Senai, Kulai dan Taman Molek, di sini.

Bagi pertuduhan itu, kesemua tertuduh boleh didakwa di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dihukum menurut Seksyen 4 (1) akta yang sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan denda lima kali ganda daripada jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan dilakukan atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi.

Sementara itu, pihak pendakwaan yang diwakili Timbalan Pendakwa Raya Nor Raihan Rithwan dan Norazihah Asmuni, memohon agar mahkamah menetapkan wang jaminan RM1 juta bagi setiap tertuduh.

Namun, peguam memohon mahkamah mengguna pakai wang jaminan yang ditetapkan sebelum ini berikutan mereka telah membayar jaminan RM660,000 untuk pertuduhan awal.

Peguam juga memohon supaya jaminan ke atas Yee Xin ditetapkan pada kadar antara RM50,000 hingga RM60,000 berikutan wanita berkenaan sudah tidak lagi bekerja.

Hakim kemudiannya menetapkan wang jaminan LY Frozen dan Chong masing-masing sebanyak RM250,000 dengan mengguna pakai wang jaminan yang telah dibayar untuk kes terdahulu, sementara Ng diarah membayar RM150,000 dengan seorang penjamin selain pasport antarabangsa diserahkan.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes itu pada Selasa. Prosiding pada Isnin merupakan kes kali ketiga kartel daging sejuk beku membabitkan syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd, pengarahnya Siew Huak, yang masih bebas dan Chee Keong serta pengurus stor syarikat itu Kim Kuang.

Pada 2 Disember tahun lalu, Sinar Harian menerusi laporan khasnya mendedahkan kegiatan kartel mengimport daging dari beberapa negara yang tidak halal sebelum meletakkan logo halal palsu untuk dijual dan dibekalkan di pasaran tempatan.

Kegiatan kartel berkenaan terbongkar menerusi serbuan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) bersama-sama agensi lain di sebuah stor di Skudai, dekat sini.

Headline	Olah 15 menu ikan tongkol dalam 'Masok Mende Weh'		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	28	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	341 cm ²
Journalist	Norhaspida Yatim	AdValue	RM 7,229
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,688



Beri peluang kepada setiap PPK untuk mengetengahkan juadah berkhasiat

Oleh NORHASPIDA YATIM

Olah 15 menu ikan tongkol dalam 'Masok Mende Weh'

BESUT

Program Dari Dapur Peladangnita 'Masok Mende Weh' anjuran Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Terengganu mengetengahkan 15 menu yang diolah daripada ikan tongkol atau lebih dikenali ikan aye oleh masyarakat tempatan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI), Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, program itu memberi peluang kepada setiap Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) untuk mengetengahkan juadah berkhasiat daripada sumber utama ikan tongkol yang diolah mengikut resipi dan citarasa tersendiri.

"Selain dapat memperkenalkan pelbagai hidangan istimewa

oleh masyarakat tempatan, program berbentuk santai ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara PPK di setiap kawasan di seluruh negeri.

"Ia membolehkan setiap daripada mereka berkongsi idea sekali gus menterjemahkan slogan Keluarga Malaysia," katanya dalam program yang diadakan di Bukit Keluang Beach Resort, Kampung Raja di sini pada Isnin.

Hadir sama, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Terengganu, Datuk Mohd Rosli Harun; Pengarah LPP Terengganu, Mohd Saupee Sudin serta Pengerusi Peladangnita Terengganu, Zaiton Mohd Yusof.

Program Dari Dapur Peladangnita menyaksikan PPK Maras/Batu Rakit merangkul



Nik Zawawi (kiri) menghadiri Program Dari Dapur Peladangnita 'Masok Mende Weh' di Bukit Keluang Beach Resort, Besut pada Isnin.

johan dengan mengetengahkan acar ikan aye, rojak betik Terengganu dan roti jala kuah manis.

Sementara itu, PPK Kuala Berang pula menyandang naib johan dengan menu masak tempoyak ikan aye, kerabu pegaga

dan tumis lada serta puteri mandi jering rebus.

Tempat ketiga dimenangi PPK Kuala Terengganu yang mengetengahkan menu ikan aye bakar air asam, tumis belacan loka serta roti jala kuah lemak manis.

Johan pertandingan membawa pulang wang tunai RM500, sijil dan hadiah iringan; naib Johan pula menerima RM400 berserta sijil dan hadiah iringan manakala pemenang tempat ketiga membawa pulang wang tunai RM300 berserta sijil dan hadiah iringan.

Keputusan pertandingan dinilai oleh juri dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Politeknik Hulu Terengganu serta chef jemputan dari Bukit Keluang Beach Resort.

Johan pertandingan masakan akan mewakili Terengganu pada Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2021 yang diadakan pada 23 Disember 2021 di Putra World Trade Centre (PWTC) Kuala Lumpur.

14/12/2021

HARIAN METRO

LOKAL

11

Sarikei

Kewujudan tanah gam-
but yang subur mem-
bolehkan Kampung
Sumpang yang didiami ma-
syarakat Iban di Muara Pa-
yang di sini menjadi antara
kawasan paling aktif menge-
luarkan nenas untuk daerah
ini.

Sehingga kini, hampir se-
mua 11 keluarga yang men-
diami kampung itu terlibat
dengan penanaman nenas je-
nis (Gala) Sarikei.

Antara yang terlibat aktif
dengan penanaman itu ada-
lah ketua kampungnya, Sum-
pling Bayi, 56, yang memberi-
tahu tanaman disuburkan se-
cara kecil-kecilan di Tanah
Hak Adat (NCR) Bumiputera
masing-masing, menerusi
bantuan modal Lembaga Per-
industrian Nanas Malaysia.

"Bantuan diberi cuma
RM3,000 tetapi cukup sebagai
modal permulaan membeli
benih. Ramai sudah menda-
pat manfaat, saya sendiri ber-
iya menggunakan 0.4 bek-
tar daripada keseluruhan 1.6
bektar tanah dimiliki dengan
tanaman nenas, yang dapat
mengeluarkan hasil sekitar
3,000 biji setiap kali tuai."


"Di kampung ini, musim
tuai nenas kebiasaannya pada Ja-
nuari atau Ogos dan hasil ta-
naman akan dijual di Pasar
Taman Sentral Sarikei," kata-
nya.

Menurut beliau, walaupun
keuntungan tidak banyak ke-
rana nenas dijual antara
RM3.50 hingga RM7 (bergan-
tung pada saiz), tetapi ia bo-
leh menampung kos kehi-
dupan keluarga penduduk
yang tidak mempunyai pen-
dapatan tetap.

Oleh kerana penanaman
nenas itu berpotensi untuk
mengubah kehidupannya,
Sumpang merancang untuk
meluaskan kawasan tanam-
nanya kepada 20,000 anak
pokok berbanding hanya ki-
ra-kira 3,500 anak pokok ke-
tika ini.

Seorang lagi penduduk, An-
si Umun, 67, pula berkata,
oleh kerana permintaan ting-
gi terhadap buah nenas Sa-
rikei, beliau enggan menoleh

SUMPUK menunjukkan
hasil nenas yang ditanam
di Tanah Hak Adat Bumiputera
(NCR) secara kecil-kecilan
ketika kunjungan di Muara
Payang, Sarawak.



Muara Payang akan
dihubungkan dengan
kawasan sekitar dan lebih
banyak hasil tanaman dapat
dijual ke pasaran setempat."

Ansi Umun

TUNGGU JALAN RM321J

Projek Jalan Pasi-Tanjong
Manis mampu lonjak
hasil nenas Sarikei



ke belakang lagi malah me-
nambah impian untuk melus-
kan lagi tawannya seperti
Sumpang.

Bagaimanapun, beliau sedar
ketidadaan jalan yang meng-
hubungkan terus penduduk
dengan pekan Sarikei, mung-
kin melambatkan perenca-
ngannya dalam menggen-
bangkan kawasan tanaman.
"Selarang semua urusan
penduduk termasuk untuk
mengubah hasil nenas un-
tuk dijual ke pekan Sarikei
perlu menggunakan pengan-
kuran bot selama 45 minit
merentas Sungai Rajang.
"Justeru, kami berharap



PEMANDANGAN udara kawasan tanaman nenas masyarakat Iban
di Tanah Hak Adat (NCR) Bumiputera di Kampung Sumpang, Sarikei.

projek Jalan Pasi-Tanjong Ma-
nis merangkumi jambatan
berapa tahun kebelakangan
ini sudah mempromosikan
Sarikei sebagai Food Basket Of
Sarawak serta Pusat Agropo-
lis Wilayah Zon Tenggara.
Projek Jalan Pasi-Tanjong
Manis bernilai RM221 juta dan
dijangka siap pada 2023 itu



DERETAN rumah di Kampung Sumpang dilihat masyarakat Iban
yang mengusahakan tanaman nenas.

adalah komitmen kerajaan
Sarawak untuk meningkat-
kan taraf sosioekonomi ra-
kyat termasuk Muara Payang
(GPS) serta Wong Ling Ching
dari Parti Bumi Kenyalang,
dan dua calon bebas yakni
Dank Seri Abang Aditajaya
Sarawak ke-12, Duo Kuala Ra-
jang akan menyaksikan per-
tali Abdullah.

14/12/2021

SINAR HARIAN

NEGERI
PAHANG

23



Mohd Zahir menurukkan sangkar ikan yang telah dilikat pada pokok sejak bulan lalu bagi mengelakkan ia hanyut jika berlaku banjir besar.

Pengusaha ikan ambil langkah keselamatan elak sangkar hanyut

TEMERLOH - Tragedi banjir besar 2014 di Pantai Timur khususnya di Pahang menyebabkan pengusaha ikan sangkar di sekitar Sungai Pahang di sini lebih berwaspada apabila mengambil langkah keselamatan agar insiden sangkar milik mereka hanyut tidak berulang.

Seorang pengusaha ikan sangkar dekat Kampung Pengkalan Manggis, Mohd Zahir Ibrahim, 37, berkata, dia sudah mula mengikat sangkarnya pada pokok sejak sebulan lalu untuk mengelak insiden sama berulang setiap kali hujan lebat dan bermulanya musim tengkujuh.

Menurutnya, pengalaman pada 2014 menyebabkan dia mengalami kerugian lebih RM100,000 apabila lebih 40 sangkar miliknya dihanyutkan banjir sekali gus menjadikannya insiden itu sebagai satu pengajaran berguna buat pengusaha sepertiya.

"Walaupun keadaan paras air di Sungai Pahang masih seperti biasa, namun pengusaha ikan sangkar seperti kami tetap perlu berhati-hati supaya tidak berdepan masalah besar apabila berlakunya banjir.

"Selain itu, kami juga selalu berkongsi maklumat daripada rakan-rakan lain mengenai keada-

an paras air di kawasan lain seperti di Lipis," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Dalam pada itu, Mohd Zahir yang kini memiliki 48 sangkar ikan yang diusahakan sejak tahun 21 tahun itu mengakui persediaan awal dilakukannya ketika banjir melanda pada awal tahun ini menyebabkan sangkarnya selamat dan tidak dihanyutkan banjir.

"Sememangnya pengusaha ikan sangkar seperti kami sudah serik dengan insiden yang berlaku pada 2014 sehingga menyebabkan ramai yang terpaksa berputih mata setelah mengalami kerugian besar," ujarnya.

Pusat tumpuan kaki pancing hujung minggu

Tinggalkan SingTel demi kolam pancing

Oleh MUHAMMAD ZIKRI
utusannews@mediamulla.com.my

PONTIAN: Meninggalkan kerjaya selama 30 tahun sebagai kakitangan syarikat SingTel di Singapura telah mengubah kerjaya Shofian Mustami sebagai pengusaha ternakan ikan air masin dalam kolam.

Bagaimanapun, menurut Shofian, 47, kejayaan tidak datang bergolek kerana dia perlu belajar dari bawah dengan memilih Terengganu sebagai lokasi untuk dia 'berguru' sebelum berupaya membina perniagaan sendiri.

Katanya, pada peringkat awal, dia membina enam buah kolam ikan menggunakan kanvas bagi proses menternak ikan siakap, merah dan kerapu pada 2017 di atas tanah seluas dua ekar di

Kampung Telok Kerang, di sini.

"Bagi setiap kolam, saya masukkan antara 50,000 hingga 60,000 benih ikan yang akan dipasarkan apabila mencapai ukuran tiga inci dengan harga RM1.50 kepada penternak tempatan dan di luar Johor.

"Saya akui tiada pengetahuan dalam menternak ikan, namun, kerana minat serta galakkan daripada seorang kawan di Terengganu, saya mencuba menceburi bidang yang sangat asing sebelum ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di SF Aquafarm, semalam.

Anak kelahiran Perak itu berkata, setelah kolam ternakannya membuahkan hasil serta memberikan pulangan modal, dia mengambil keputusan membina kolam pancing pula juga hasil ca-

dangan rakan-rakannya.

"Namun, kolam pancing ini baru sahaja beroperasi pada April lalu tetapi terpaksa ditutup selama empat bulan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum dibuka semula sejak sebulan lalu.

"Kolam berukuran 500x200 kaki persegi itu menggunakan air masin sebagai medium utama bagi membolehkan ikan-ikan seperti ikan merah, unggas, sikap, sagai, kerapu dan GT dimasukkan ke dalam kolam," ujarnya.

Katanya, sambutan yang diberikan oleh kaki-kaki pancing bukan sahaja dalam kalangan masyarakat tempatan tetapi datang dari Batu Pahat, Muar, Kota Tinggi, Johor Bahru dan Kluang terutama pada hujung minggu.



SHOFIAN Mustami (tengah) bersama pemancing di Kolam SF Aquafarm yang diusahakannya di Kampung Telok Kerang, Pontian, Johor. - UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

Tinggalkan kerjaya makan gaji, bela ikan

PONTIAN – Seorang lelaki sanggup meninggalkan kerjayanya sebagai kakitangan di syarikat Telekom Singapura selepas berkhidmat selama 30 tahun untuk mengusahakan ternakan ikan dalam kolam.

Menurut Shofian Mustami, 47, kejayaan tidak datang secara bergolek kerana dia perlu belajar dari bawah dan memilih Terengganu sebagai lokasi untuk 'berguru'.

Menurutnya, pada peringkat awal, dia membina enam buah kolam ikan menggunakan kanvas dengan menternak siakap, merah dan kerapu pada 2017 di Kampung Telok Kerang.

"Saya memasukkan sebanyak 50,000 hingga 60,000 benih ikan ke dalam setiap kolam dan dijual pada harga RM1.50 seekor kepada penternak termasuk dari luar Johor.

"Pada mulanya, saya mengakui tidak mempunyai ilmu (menternak ikan), namun kerana minat dan galakan dari-

pada seorang rakan saya mencuba nasib menceburi bidang ini yang begitu asing sebelum ini," katanya ketika ditemui di SF Aquafarm di Kampung Telok Kerang baru-baru ini.

Anak kelairan Perak ini memberitahu, setelah kolam ternakannya membuahkan hasil dan memberi pulangan modal, dia mengambil keputusan untuk membina kolam pancing pula.

"Kolam pancing beroperasi pada April lalu pernah ditutup disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan. Ikan seperti merah, unga, siakap dan kerapu dimasukkan dalam kolam ini," ujarnya.

Tambahnya, sambutan yang diterima daripada kaki pancing amat memberangsangkan terutama pada hujung minggu.

"Saya harap kolam ini akan menjadi salah satu tarikan kepada aktiviti pelancongan di Kampung Telok Kerang dan daerah Pontian," ujarnya.



SHOFIAN (kanan) bersama sebahagian pemancing di Kolam Pancing SF Aquafarm, Kampung Telok Kerang di Pontian baru-baru ini.

Peniaga jual tauhu pada harga mahal kena tindakan



MOHD. ZAWAWI (dua dari kanan) ketika meninjau pelaksanaan SHMKM di Pasar Awam Pelabuhan Klang, Klang semalam.

KLANG - Tindakan seorang peniaga menjual tauhu dengan harga tidak munasabah di sebuah premis di Sepang mengundang padah apabila dikenakan tindakan minggu lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd. Zawawi Ahmad Mughni berkata, kesalahan itu dikesan hasil aduan dan paman-tauan Skim Harga Maksimum Ketuarga Malaysia (SHMKM) oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) cawangan Sepang.

Katanya, semakan awal mendapati peniaga itu turut gagal mengemukakan dokumen urus

niaga belian sayur berkenaan daripada pembekal.

"Justeru, KPDNHEP mengeluarkan notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti-pencatutan (AKHAP) 2011.

"Peniaga itu diarah hadir ke Pejabat KPDNHEP Sepang untuk mengemukakan maklumat lanjut," katanya ketika meninjau pelaksanaan SHMKM di Pasar Awam Pelabuhan Klang semalam.

Turut hadir, Pengarah KPDNHEP negeri, Muhammad Zikri Azan Abdullah dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri.

Jelasnya, kesalahan berkaitan tauhu yang bukan barang kawalan bawah SHMKM itu masih

dalam proses siasatan.

"Setakat ini hanya berlaku melibatkan peniaga itu dan tidak secara menyeluruh. Namun, pemantauan sama akan turut dilakukan di daerah lain," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan hasil pemeriksaan terhadap 652 premis sepanjang tujuh hari pelaksanaan SHMKM di negeri ini bermula 7 Disember lalu mendapati peniaga memberi kerjasama dan berada pada pematuhan yang baik.

KPDNHEP sebelum ini menyenaraikan 12 barangan kawalan harga bagi SHMKM termasuk ayam, telur ayam dan enam sayuran mulai 7 hingga 31 Disember depan.



Harga ayam lebih rendah

* Pengguna puas hati ayam dijual ikut SHMKM

AYAM segar dijual pada harga RM8.99 ketika tinjauan di sebuah pasar raya di Bandar Tasik Puteri, semalam. - Gambar NSTP/ FARIZ ISWADI ISMAIL

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kebanyakan pengguna berpuas hati dengan harga ayam standard yang dijual mengikut Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

Tinjauan di beberapa pasar basah di sekitar daerah Rawang, Klang dan Pasar Borong Kuala Lumpur mendapati kebanyakan peniaga mematuhi harga maksimum ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta dijual antara harga RM8.20 sehingga RM9.30 sekilogram.

Pengguna, Mohd Izwan Shuaimi, 34, berkata, dia lega apabila harga ayam kini lebih rendah berbanding minggu lalu.

"Jika dibandingkan harga ayam sebelum ini memang berlaku peningkatan, ada yang jual sehingga RM10 sekilogram."

"Alhamdulillah, minggu ini kebanyakan peniaga di pasar menjual mengikut skim harga yang ditetapkan kerajaan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Peniaga, Syameel Moktar, 26, berkata, inisiatif kerajaan terutama KPDNHEP memperkenalkan SHMKM amat melegakan pengguna. "Berbanding beberapa



Kiri kerajaan menetapkan harga ayam standard runcit RM9.30 sekilogram, tetapi ada juga peniaga yang menjual harga rendah daripada itu."

Syameel Moktar

minggu lalu memang terdapat peningkatan terutama harga ayam standard.

"Kini kerajaan menetapkan harga ayam standard runcit RM9.30 sekilogram, tetapi ada juga peniaga yang menjual harga rendah daripada itu," katanya.

SHMKM yang berkuat kuasa sehingga 31 Disember ini bertujuan mengawal dan menstabilkan harga barangan keperluan yang disenaraikan KPDNHEP.

14/12/2021

UTUSAN MALAYSIA

WANITA &
KELUARGA

34

Kebun sayur di halaman kediaman

Usaha pesara guru
dapat kurangkan
perbelanjaan,
jana pendapatan

Oleh Rosman Shamsudin
btnews@bh.com.my

Bidor: Kerjakan harga sayur-sayuran di pasaran sekarang membuatkan masyarakat terutama suri rumah dan pesara memanfaatkan ruang kosong di halaman belakang rumah dengan pelbagai tanaman.

Amalan menanam sayur-sayuran itu memang tidak merugikan apabila ia dapat menjimatkan perbelanjaan dapur kerana tidak perlu membeli di pasar.

Malah berbudi kepada tanah ini lebih baik kerana mendapat hasil sayur-sayuran yang segar, berkualiti dan penggunaan racun perosak dilakukan secara tidak terkawal.

Ini dibuktikan pesara guru, Norma Razali, 58, yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran secara fertigasi di pekarangan

rumah demi kelangsungan hidup, beberapa tahun lalu.

Malah, melangkah masuk ke pekarangan rumahnya kelihatan seolah-olah berada di dalam kebun sayur.

Norma berkata, usahanya kini berjalan kerana pada saat golongan isi rumah mengeluar dengan kenalkan barga sayuran di pasaran, beliau kurang terkesan dengan situasi berkenaan.

Katanya, sayur-sayuran itu selain keperluan sendiri, ada kalanya penduduk sekitar membeli, sekali gus dapat menjana pendapatan tambahan.

"Antara sayuran yang saya tanam termasuk sawi, bayam, pak choy, saleri, kubis, tomato, kangkung dan cili serta pelbagai pokok lain.

"Sejak saya menanam sendiri sayur-sayuran sudah tidak perlu risau beli di pasar lagi, sebaliknya hanya dipetik pada bila-bila masa," katanya ketika ditemui di Kampung Cegar, di sini.

Norma mempelajari kaedah tanaman fertigasi daripada suaminya, Azlan Abd Majid, 60, yang bekerja sebagai chef di sebuah kapal perairan antarabangsa.

Ketika suaminya belayar beliau mengambil alih menjaga ta-



Norma menggunakan kaedah tamanan fertigasi untuk menanam sayur di halaman rumah. (Foto Rosman Shamsudin/BH)



Muhammad Afiq Aryan mula menanam kangkung ketika PKPD.

ban keluarga. Murid prasekolah itu menanam sayur kangkung di halaman dan belakang rumah.

Beliau mula menanam sayur sejak mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), iaitu ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Afiq Aryan berkata, beliau mempelajari cara menanam sayur daripada ayahnya.

"Kalau ayah sibuk bekerja saya dapat memberikan kepada jiran.

yang tanam sayur itu. Kangkung mudah ditanam dan dijaga.

"Selepas menyemai biji benih yang sudah dibaja, saya menyiram setiap hari dan dalam tempoh tiga minggu kangkung sudah boleh dikutip," katanya yang tinggal di Taman Slim Permata, di sini.

Katanya, sayur yang ditanam banyak membuatkan dirinya teruja untuk menanam lagi, selain dapat memberikan kepada jiran.

14/12/2021

HARIAN METRO

LOKAL

9

Tanjung Karang: Aktiviti kebun di sawah padi oleh warga asing di sekitar Sekinchan masih berjalan biasanya digempur Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Khamis lalu.

Namun ia sedikit lengah berbanding sebelum ini dengan jumlah pendatang asing yang keluar masuk ke kawasan itu dilihat berkurangan.

Tinjauan Harian Metro di sekitar Telapang padi berkenaan mendapati warga Bangladesh dipercayai

mempunyai dokumen yang sah terus mengusahakan pelbagai sayuran dan tanaman komtan di situ.

Warga asing berkenaan dilihat sedang membersihkan kawasan kebun selain mengutip hasil tanaman untuk dipasarkan.

Seorang pemilik sawah yang mahu dikenali sebagai Abdul Ghani, 50-an, berkata, sejak operasi JIM diada-

kan minggu lalu, aktiviti kebun masih berjalan namun jumlah warga asing dilihat berkurangan.

Katanya, dia dimaklumkan bahawa ada pendatang asing tanpa dokumen sah berjaya meloloskan diri daripada ditahan pihak berkuasa.

"Mereka yang tiada dokumen ada yang ditahan dan saya dimaklumkan ada

yang lolos.

"Bagaimanapun operasi oleh JIM itu memberi kesan kerana sejak beberapa tahun lalu, mereka ini tidak diusik, ada ketikanya lebih dari tuan tanah," katanya.

Menurutnya, antara faktor sawah berkenaan ditukar menjadi kebun kerana ia lebih mudah diusahakan selain mendapat permintaan di pasaran.

Warga asing ada dokumen terus berkebun

di sawah kini bertindak sebagai tauke. Ia selepas mereka menyewa sawah milik orang tempatan dan menukar bendang kepada kebun seluas 12 hektar di sekitar Sekinchan.

Susulan itu, JIM melaksanakan operasi di sekitar Sabak Bernam dan Kuala Selangor serta menahan 13 warga asing dari Indonesia, Bangladesh dan Myanmar kerana tidak memiliki permit perjalanan yang sah.